



JABATAN BENDAHARI

Rujukan : UKM 3.1/224/8 J;d VIII

Tarikh : 2 November 2004

**PEKELILING BENDAHARI BIL 13/2004**

Semua Dekan Fakulti  
Semua Pengarah Institut / Pusat  
Semua Ketua Jabatan / Bahagian  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengarah  
Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur

*Assalamualaikum w.b.t,*

Y.Bhg. Prof. Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**MAKLUMAN PENGUATKUASAAN PENUBUHAN BAHAGIAN KEWANGAN  
PENYELIDIKAN JABATAN BENDAHARI, UKM**

Dengan hormatnya saya ingin memaklumkan bahawa Jabatan Bendahari telah menubuhkan Bahagian Kewangan Penyelidikan sebagai perluasan pelaksanaan Pengurusan Kewangan Yang Ternyah Pusat. Bahagian ini akan memulakan perkhidmatan mulai 2 November 2004.

Semua urusan kewangan yang berkaitan dengan penyelidikan dilaksanakan oleh bahagian ini meliputi urusan kewangan, pembayaran kepada pembekal, bayaran pendahuluan kepada pembekal dan penyelidik, tuntutan bayaran balik penyelidik, elaun-elaun berkaitan dengan penyelidikan, gaji pembantu penyelidik dan urusan laporan kewangan penyelidikan.

Bahagian ini diketuai oleh Puan Noorma Sidek dan dibantu oleh Encik Azli Mohd. Kasirun (urusan bayaran elaun dan tuntutan penyelidik) dan Encik Mohd. Johari Abd. Wahab (urusan perolehan dan bayaran). Urusan surat menyurat berkaitan dengan penyelidikan hendaklah di alamatkan kepada Ketua Penolong Bendahari, Bahagian Kewangan Penyelidikan (u/p : Puan Noorma Sidek) beralamat di Jabatan Bendahari, Paras 4, Bangunan Canselori, UKM.

Sukacita sekiranya Y.Bhg. Prof. Dato' / Datin / Tuan / Puan dapat menyampaikan perkara ini kepada semua kakitangan di Fakulti / Institut / Bahagian / Jabatan Y.Bhg. Prof. Dato' / Datin / Tuan / Puan.

Sekian, terima kasih.

Yang bertua,



**MOHD. ABD. RASHID MOHD. FADZIL**  
**Bendahari**  
**Universiti Kebangsaan Malaysia**

- s.k - Y.Bhg. Prof. Dato' Naib Canselor, UKM  
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor, UKM  
- Pendaftar, UKM

